

Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk



Nota Pintar

Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat sahaja.

Subjek	Predikat
Murid itu	membaca buku.
Si Putih	kucing saya.

Ayat majmuk ialah ayat yang terbina daripada dua atau lebih ayat tunggal. Ayat ini mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat.

Jenis	Contoh
Ayat majmuk gabungan Terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal yang digabungkan dengan kata hubung seperti <i>dan</i> , <i>serta</i> , <i>atau</i> , <i>sambil</i> , <i>tetapi</i> dan sebagainya.	(a) Azrin suka makan buah oren. (ayat tunggal) (b) Azrin suka makan buah tembikai. (ayat tunggal) Azrin suka makan buah oren <i>dan</i> tembikai. (Ayat majmuk gabungan)
Ayat majmuk pancangan Mengandungi satu ayat induk dan beberapa ayat kecil yang dipancarkan ke dalam ayat induk menggunakan <i>yang</i> , <i>bahawa</i> , <i>untuk</i> , <i>kerana</i> , <i>jika</i> , <i>semasa</i> , <i>lantaran</i> , <i>oleh sebab</i> , <i>sungguhpun</i> , <i>dengan</i> dan sebagainya.	1 (a) Dalila membeli selendang. (ayat induk) (b) Selendang itu berwarna biru. (ayat kecil) Dalila membeli selendang <i>yang</i> berwarna biru. 2 (a) Abang pergi ke perpustakaan awam. (ayat induk) (b) Abang mengulang kaji pelajaran. (ayat kecil) Abang pergi ke perpustakaan awam <i>untuk</i> mengulang kaji pelajaran.
Ayat majmuk campuran Terbina daripada beberapa jenis ayat.	(a) Siti menyapu dedaun kering. (b) Kakak menyiram pokok bunga. (c) Kakak sedang cuti semester selama dua bulan. Siti menyapu dedaun kering <i>manakala</i> kakaknya <i>yang</i> sedang cuti semester selama dua bulan menyiram pokok bunga.